



POLISI ANTIRASUAH
MAJLIS PERBANDARAN
MANJUNG

1. PENDAHULUAN

Polisi Antirasuah Majlis Perbandaran Manjung dibangunkan sebagai satu usaha dalam memerangi perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan. Polisi ini juga merupakan penambahbaikan kepada usaha-usaha sedia ada Majlis Perbandaran Manjung (MPM) dalam mengatasi kelemahan governan dan pelanggaran integriti.

2. PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai kepada semua warga MPM. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pihak berkepentingan, rakan niaga atau mana-mana individu/organisasi yang berurusan dengan warga/fasiliti MPM.

3. TUJUAN

- 3.1 Polisi ini diwujudkan bertujuan sebagai sumber rujukan mengenai perlakuan rasuah, mekanisme pelaporan dan pencegahan rasuah.
- 3.2 Menjunjung tinggi suatu gagasan dan membudayakan integriti seluruh warga MPM sebagai landasan yang kukuh untuk mencapai kecemerlangan dengan hala tuju dan panduan yang jelas.
- 3.3 Mewujudkan warga kerja yang berintegriti dan bebas rasuah sebagai dasar yang kukuh bagi mencapai misi perkhidmatan pelanggan MPM dengan komited memberikan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti, telus dan efisien. yang cekap secara berterusan

4. TAKRIFAN

4.1 Rasuah

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

4.2 Suapan

Tafsiran 'suapan' di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) adalah seperti berikut:

- (a) wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;

- (b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
- (c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
- (d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
- (e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga
- (f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
- (g) apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).

4.3 Warga MPM

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di MPM sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik.

Warga MPM juga termasuk Ahli Majlis, Yang Dipertua, Setiausaha Perbandaran, Ketua-ketua Jabatan dan Ketua Unit dan persatuan atau kelab di bawah seliaan MPM.

5. PENYATAAN DASAR POLISI ANTIRASUAH

Majlis Perbandaran Manjung (MPM) beriltizam untuk menerapkan amalan tadbir urus efektif, berintegriti tinggi dan bebas rasuah melalui Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) selaras dengan pelaksanaan MS ISO 37001:2016 dalam mewujudkan Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Perbandaran Manjung (Merangkumi Perkhidmatan Utama dan Sokongan Kerajaan Tempatan). Justeru itu, MPM komited untuk:

- a) Membanteras segala amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa daripada berlaku dalam kalangan warga MPM dan pihak berkepentingan bagi memastikan segala ruang dan peluang rasuah dapat ditangani dengan cekap dan berkesan;
- b) Mematuhi peruntukan undang-undang, akta atau peraturan berkaitan dalam membendung segala bentuk perlakuan rasuah di kalangan warga MPM;
- c) Memenuhi hala tuju dan aspirasi negara yang dikenali dengan integriti bukannya kerana rasuah serta ke arah memartabatkan visi, misi dan Pelan Strategik Majlis Perbandaran Manjung;
- d) Mewujudkan, melaksanakan, mengamalkan dan menambah baik Polisi Antirasuah, Kod Etika Majlis Perbandaran Manjung dan pelan mencapai Objektif Antirasuah Majlis Perbandaran Manjung sebagai rangka kerja untuk penetapan, penyemakan dan pencapaian objektif antirasuah yang efektif;
- e) Melaksanakan semua polisi dan prosedur bagi mencegah, mengesan dan tindakbalas ke atas sebarang bentuk rasuah dengan memenuhi keperluan-keperluan di dalam MS ISO 37001:2016;
- f) Menyediakan ruang, saluran aduan dan perlindungan pemberi maklumat kepada warga MPM dan pihak-pihak berkepentingan untuk melaporkan sebarang kesalahan rasuah yang berlaku atau kelakuan tidak wajar melalui Polisi *Whistleblowing* Majlis Perbandaran Manjung;
- g) Menambah baik keperluan-keperluan di bawah ABMS dari semasa ke semasa;
- h) Mewujudkan dan memperkasakan Unit Undang-Undang dan Integriti Majlis Perbandaran Manjung yang mempunyai kuasa dan bebas untuk memantau pematuhan ABMS;
- i) Mengenakan tindakan punitif, tata tertib dan tindakan undang-undang ke atas warga MPM yang gagal mematuhi Polisi Antirasuah, Kod Etika Majlis Perbandaran Manjung atau melanggar mana-mana undang-undang, akta, peraturan atau arahan yang berkuatkuasa.

6. OBJEKTIF ANTIRASUAH MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

- 6.1 Memperkasakan tadbir urus melalui perkhidmatan yang efektif
- 6.2 Memperkukuhkan hasil dan produktiviti MPM
- 6.3 Membudayakan pelan antirasuah dalam perkhidmatan

7. POLISI-POLISI YANG DIGUNA PAKAI DIBAWAH ABMS

- 7.1 Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah
- 7.2 Polisi Pengurusan Sumbangan dan Tajaan
- 7.3 Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan
- 7.4 Polisi Whistleblowing
- 7.5 Polisi Percanggahan Kepentingan
- 7.6 Kod Etika Kakitangan

8. PERLAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH

<i>Transactive</i>	Persetujuan untuk memberi dan menerima suapan (win-win situation).
<i>Extortion</i>	Ugutan dengan tujuan untuk tidak mengambil tindakan.
<i>Defensive</i>	Bayaran dengan tujuan mendapatkan perlindungan Investive.
<i>Investive</i>	Bayaran untuk menjamin balasan / habuan pada masa hadapan.
<i>Nepotisme</i>	Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi / saudara (keluarga) / sekutu.
<i>Autogenic</i>	Perlakuan rasuah yang telah menjadi amalan dan budaya dalam organisasi.
<i>Supportive</i>	Penempatan proksi / kroni di tempat strategik (hotspot) dalam organisasi.
<i>Conflict of Interest</i> (Konflik kepentingan peribadi)	Perlakuan mengutamakan kepentingan perniagaan, kewangan, keluarga, kepentingan politik atau peribadi di dalam membuat keputusan semasa dalam menjalankan tugas.

<i>Facilitation Payment</i> (Bayaran pemudahcara)	Bayaran atau faedah tidak rasmi dan tidak wajar, seperti hadiah atau hiburan, disediakan untuk menjamin atau mempercepatkan rutin atau tindakan yang perlu.
--	---

9. KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH

9.1 Kesalahan Menerima Suapan Di Bawah Seksyen 16, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

- a. Mana-mana orang secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi; atau;
- b. secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain.

9.2 Kesalahan Memberi Atau Menerima Suapan Oleh Ejen Di Bawah Seksyen 17, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

- a. Mana-mana orang sebagai seorang ejen secara rasuah **menyetujui terima** atau memperoleh daripada mana-mana orang untuk dirinya atau orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya; atau
- b. Mana-mana orang sebagai seorang ejen **memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan** apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.

9.3 Kesalahan Membuat Tuntutan Palsu Di Bawah Seksyen 18, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

- a. Mana-mana orang yang **memberi** seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen **menggunakan**, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, **apa-apa resit, akaun atau dokumen** lain yang prinsipalnya mempunyai kepentingan, dan dia mempunyai sebab untuk dipercayai mengandungi apa-apa **pernyataan yang palsu atau silap tentang apa-apa butir matan**, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

9.4 Kesalahan Menyogok Pegawai Badan Awam Di Bawah Seksyen 21, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

- a. Mana-mana orang yang **menawarkan** kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, **meminta** atau menerima, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan hal ehwal badan awam itu.

9.5 Kesalahan Menggunakan Jawatan Atau Kedudukan Untuk Suapan Di Bawah Seksyen 23, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

- a. Mana-mana pegawai badan awam yang **menggunakan jawatan atau kedudukannya** untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.

9.6 Kewajipan Melaporkan Transaksi Penyogokan Di Bawah Seksyen 25, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

Mana-mana orang yang diberi, dijanjikan, atau ditawarkan suapan hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu, berserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberi, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai SPRM.

- a. Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:

(i) didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; atau

(ii) dipenjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

- b. Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah **diminta** atau **diperoleh** atau suatu **cubaan dibuat** untuk memperoleh suapan itu, hendaklah melaporkan permintaan atau perolehan, atau cubaan untuk memperoleh suapan itu berserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya kepada pegawai SPRM.

- c. Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan

boleh:

(i) didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; atau

(ii) dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya

9.7 Kesalahan Menerima Barangan Berharga Dengan Tiada Balasan Di Bawah Seksyen 165, Kanun Keseksaan (Akta 574)

Mana-mana pegawai awam yang **menerima atau memperoleh, atau setuju untuk menerima atau cuba untuk memperoleh** untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain apa-apa barangan berharga dengan tiada balasan atau dengan balasan yang pegawai mengetahui tidak mencukupi daripada mana-mana orang yang pegawai mengetahui telah; atau sedang; atau mungkin berkaitan dengan apa-apa urusan rasmi yang telah dijalankan; atau yang akan dijalankan oleh pegawai itu; atau berkaitan dengan tugas rasmi pegawai atau dengan tugas rasmi mana-mana pegawai di bawah seliaan pegawai itu hendaklah dihukum dengan hukuman **penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.**

9.8 Kesalahan Memalsukan Dokumen Di Bawah Seksyen 465, Kanun Keseksaan (Akta 574)

Mana-mana orang yang **melakukan pemalsuan** hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh **tidak melebihi dua tahun** atau **denda** atau **kedua-duanya sekali.**

9.9 Kesalahan Tidak Mengisytihar Mempunyai Kepentingan Di Dalam Kontrak Di Bawah Seksyen 34(1), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Jika seseorang Ahli majlis ada mempunyai sesuatu kepentingan wang, secara langsung atau secara tak langsung, dalam sesuatu kontrak atau kontrak yang dicadangkan atau perkara lain, dan dia hadir dalam sesuatu mesyuarat pihak berkuasa tempatan itu atau mesyuarat mana-mana Jawatankuasa pihak berkuasa tempatan itu dalam mana kontrak atau perkara lain itu adalah menjadi perkara pertimbangan, maka dia hendaklah dengan seberapa segera yang boleh selepas mesyuarat itu dimulakan, menzahirkan hal itu, dan hendaklah menarik diri daripada mesyuarat itu semasa kontrak atau perkara itu ditimbangkan

10. HUKUMAN TERHADAP KESALAHAN RASUAH

10.1 Hukuman Di Bawah Seksyen 24, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

a. Mana-mana orang yang melakukan **kesalahan di bawah Seksyen 16, 17, 21 dan 23** Akta 694, apabila disabitkan boleh:

(i) dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan

(ii) didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

- b. Mana-mana orang yang melakukan **kesalahan di bawah Seksyen 18**, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), apabila disabitkan boleh:
 - (i) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
 - (ii) didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu, atau silap itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

10.2 Hukuman Di Bawah Seksyen 34(6), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Jika seseorang Ahli majlis tidak mematuhi peruntukan-peruntukan subseksyen (1), dia adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, **di denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau di penjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun** atau kedua-duanya dan selain daripada itu Mahkamah boleh membuat suatu perintah lucut hak mengenai apa-apa keuntungan yang telah terakru atau mungkin terakru kepadanya sebagai hasil dari kepentingan itu.

11. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUATKUASA

Undang-undang dan peraturan lain berkaitan perlakuan rasuah adalah seperti berikut:

11.1 Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

- a. Mana-mana kesalahan di bawah Akta 574 yang dinyatakan dalam Jadual – Perenggan 3 (a), tafsiran “kesalahan ditetapkan” di bawah Akta 694;
- b. Kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 137 Akta Kastam 1967 (Akta 235);
- c. Kesalahan di bawah Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
- d. Sesuatu percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c); atau
- e. sesuatu persubahatan atau komplot jenayah untuk melakukan (sebagaimana istilah yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan) mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c), sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit daripadanya.

11.2 Seksyen 4(1), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613)

11.2.1 Mana-mana orang yang—

- a. melibatkan diri, secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
- b. memperoleh, menerima, memiliki, menyembunyikan, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, 20 Undang-Undang Malaysia Akta 613 melupuskan atau menggunakan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
- c. mengalihkan dari atau membawa masuk ke dalam Malaysia, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan; atau
- d. merahsiakan, menyembunyikan atau menghalang pemastian sifat sebenar, sumber, lokasi, pergerakan, pelupusan, hakmilik, hak berkenaan dengan, atau pemunyaan, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan, melakukan kesalahan pengubahan wang haram dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau lima juta ringgit, yang mana yang lebih tinggi.

11.3 Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Perbandaran Manjung (Kelakuan & Tatatertib) 2013

11.3.1 Bahagian III Tatakelakuan

7 (2) Seseorang pegawai tidak boleh :-

- (a) membelakangkan tugas rasminya demi kepentingan peribadinya;
- (b) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas rasminya;
- (c) berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa :-
 - i. dia telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas rasminya sehingga menjejaskan kegunaannya sebagai seorang pegawai Majlis; atau
 - ii. dia telah menggunakan kedudukan rasminya bagi faedahnya sendiri;
- (d) berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan nama atau mencemarkan nama Majlis;
- (e) kurang cekap atau kurang berusaha;
- (f) tidak jujur atau tidak amanah;
- (g) tidak bertanggungjawab;
- (h) membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan

berhubung dengan atau terhadap Majlis, sama ada tuntutan itu adalah tuntutannya sendiri atau tuntutan mana-mana pegawai lain;

- (i) ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah;
- (j) cuai dalam melaksanakan tugas-tugasnya; dan
- (k) keluar negara tanpa mendapat kebenaran Yang Dipertua.

12. PERANAN DAN TINDAKAN WARGA MPM

Dalam usaha menutup ruang dan peluang rasuah, warga MPM hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

12.1.1 Jangan Minta

Warga MPM dilarang meminta atau menerima apa-apa bentuk suapan.

12.1.2 Tolak

Warga MPM hendaklah menolak apa-apa tawaran atau pemberian rasuah.

12.1.3 Laporan

Warga MPM hendaklah dengan segera melaporkan apa-apa perlakuan rasuah kepada Ketua Jabatan, Ketua Unit atau Ketua Unit Undang-Undang dan Integriti MPM atau SPRM. Warga MPM boleh melaporkan apa-apa perlakuan rasuah dengan mengemukakan sekurang-kurangnya maklumat asas (5W+1H) seperti berikut:

- i. Siapakah (who) yang terlibat?
- ii. Bilakah (when) kejadian berlaku?
- iii. Dimanakah (where) kejadian berlaku?
- iv. Apakah (what) kesalahan yang berlaku?
- v. Kenapakah (why) kesalahan berlaku?
- vi. Bagaimanakah (how) kesalahan berlaku?
- vii. Saksi atau dokumen berkaitan (sekiranya ada)

13. PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Apa-apa aduan yang dibuat berbangkit daripada maklumat yang diterima pegawai di Unit Undang-Undang dan Integriti maklumat dalam aduan itu dan **identiti pemberi maklumat** hendaklah menjadi rahsia antara pegawai dan akan dikendalikan mengikut Polisi *Whistleblowing* Majlis Perbandaran Manjung.

14. PELAKSANAAN KETEKUNAN WAJAR (DUE DILIGENCE)

14.1 Tapisan luaran untuk proses berkaitan perjawatan:

- a. Data pesalah rasuah melalui Sistem Tapisan Keutuhan (eSTK) dari sesawang www.sprm.gov.my; dan
- b. Data pesalah jenayah sivil melalui Sistem Tapisan Keselamatan dari pihak Polis DiRaja Malaysia.

14.2 Melaksanakan semakan latar belakang kepada sekutu/rakan perniagaan kontraktor, pembekal, vendor, perunding dan lain-lain.

- a. Melaksanakan semakan dan pemeriksaan transaksi, projek dan aktiviti.

15. PENGIKTIRAFAN KEPADA PENJAWAT AWAM

Pengiktirafan dalam bentuk sijil penghargaan, pencalonan anugerah pingat di peringkat Persekutuan atau Negeri, atau ganjaran boleh diberikan kepada mana-mana penjawat awam yang melaporkan pemberian dan penerimaan rasuah berdasarkan Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara bertarikh 11 Mei 2011.

16. PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Manjung

Perak Darul Ridzuan

(u.p: Unit Undang-Undang dan Integriti)

Emel: uuui@mpm.gov.my

Emel aduan integriti: hasnizammpm@gmail.com

Telefon: 05-6898831

17. PENUTUP

Pematuhan terhadap Polisi Antirasuah ini dapat mencapai sasaran “Toleransi Sifar Terhadap Rasuah” seterusnya menjadi pemangkin kepada kecekapan dan ketelusan pengurusan berteraskan prinsip governan, integriti dan antirasuah. Secara tidak langsung, pematuhan kepada Polisi ini akan menjadikan MPM antara pihak berkuasa tempatan peneraju Perkhidmatan Awam dalam pelaksanaan inisiatif antirasuah.